

Platform hasil inovasi

UPM buka peluang pasaran dan jaringan industri



**LENSA
KAMPUS**

Oleh Ruhaiza Rusmin
ruhaizarusmin@mediaprima.com.my

Lebih 230 penyelidikan berimpak tinggi Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam pelbagai bidang dipamerkan pada Pameran Reka Cipta

Penyelidikan dan Inovasi (PRPI) baru-baru ini.

Program dua hari itu bertujuan menyediakan platform mempamerkan hasil penyelidikan dan inovasi UPM bagi membuka peluang pasaran serta jaringan kepada industri.

Turut dipamerkan ialah 20 inovasi pelajar sekolah menengah dari seluruh negara.



ANTARA produk inovasi UPM yang dipamerkan untuk membuka jaringan baru bersama industri.



PENGUNJUNG tertarik melihat antara produk baru yang dihasilkan.

PELAJAR sekolah turut menunjukkan kehebatan menghasilkan inovasi baru.

